

Qalam

Bilangan 28 Safar 1372 – November 1952 60 Sen

BERMESYUARATLAH!

Di dalam rancangan yang lalu kita telah menulis bagaimana mustahak mengadakan barisan kebangsaan yang akan merundingkan apakah dasar yang patut kita jalankan untuk menghadapi hal-hal keadaan kita pada masa sekarang dan pada masa yang akan datang oleh kerana di dalam masa tidak ada persatuan itu berbagai-bagai perkara yang telah dijalankan ke atas kita daripada berbagai-bagai puak dengan perkara-perkara, pada umumnya, tidak kita gemari dan tidak setakat itu sahaja bahkan ia telah merampas hak-hak dan kedudukan kita yang mutlak di dalam negeri ini.

Kita berpendapatan yang demikian itu sangat mustahak diadakan sebelum lagi kita merundingkan perkara-perkara yang mengenai segala sesuatu yang akan mensabitkan keadaan mengenai masalah dan hak-hak orang Melayu. Dengan kerana itu maka langkah-langkah yang diura-urakan untuk mengadakan rundingan di antara UMNO (yang telah mengakui dirinya mewakili orang Melayu) dengan wakil-wakil M.C.A itu, menurut pendapatan kita dan harus juga pendapatan sebahagian besar orang UMNO sendiri belum lagi sampai masanya.

Tiap-tiap sesuatu rundingan yang akan mengenai masalah umum maka hendaknya janganlah kiranya ahli-ahli jawatankuasa kerja UMNO itu mengambil sesuatu langkah dengan gopoh dengan lebih dahulu tidak menghalusi tujuan-tujuan dan kehendak umum orang-orang Melayu-terlebih baik dihalusi dengan cukup cermat-dengan permesyuaratan yang panjang

Sekiranya itu tidak ditapis maka adalah ia kelak ditakuti menjadikan pisang telah berbuah dua kali-kerana dahulu dalam masa awan menjadi, Yang Di-Pertua UMNO maka banyak perkara-perkara yang dijalankan adalah dengan kemahuan persendirian-bukan kemahuan umum dan kerana itulah langkah-langkah yang bersifat "Diktator" itu telah banyak merugikan dan membencanakan kedudukan orang-orang Melayu kerana di dalamnya telah pernah ada perjuangan yang dijalankan itu diambil maslahat untuk faedah dan kedudukan diri ketua-ketua-dengan membawa bencana yang besar kepada keselamatan dan kesejahteraan umum orang-orang Melayu. Dengan sebab itulah telah terjadi perjuangan orang-orang Melayu itu "dijual" oleh pengelola-pengelolanya dan daripada keadaan yang sekarang tidak salahnya kalau orang telah ada berkata dan berani mengatakan daripada langkah-langkah yang ada harus perjuangan orang Melayu "dijual" pula kerana mengandungi maslahat diri sendiri-hal ini kita berharap janganlah kiranya terjadi keadaan yang demikian itu.

Segala kejadian-kejadian yang telah lalu itu patutnya dijadikan cermin oleh kita bagi menjalankan langkah-langkah pada masa yang akan datang, untuk mengkaji apa-apa kesalahan kita yang telah lalu supaya di dalam perjuangan kita yang akan datang nanti tidak terpesong lagi. Kita telah melihat bagaimana merbahayanya langkah-langkah "diktator" tatkala menjalankan kerja-kerja yang mengenai masalah bangsa daripadanya dapat kita mempelajari bahawa bagaimana buruknya langkah-langkah perjuangan itu dengan tidak ada program perjuangan kebangsaan yang tetap yang akan dijalankan untuk menjaga maslahat dan kedudukan kita. Kita tidak ada menaja sesuatu ketetapan tentang hala yang kita tuju sebab itulah zahir kepada mata orang-orang Melayu bahawa perjuangan yang dilangkah oleh UMNO itu adalah nampaknya sebagai kedudukan pucuk ru-ke mana angin bertiup ke situ ia melentok-tidak ada suatu hala yang tertentu yang dijalankan olehnya semenjak daripada yang bertubuhnya dahulu.

Dengan kerana yang tersebut maka kita suka memberi ingat

terutama kepada Yang Di-Pertua. Ia adalah seorang yang bertanggungjawab di dalam segala langkah dan cakap-cakapnya. Ia patut mengadakan mesyuarat. Sebagaimana yang Islam menyuruh tiap-tiap kerja umum itu hendaklah dimesyuaratkan, untuk menetapkan dasar dan kedudukannya. Apabila dasar-dasar yang tersebut itu telah tertanja dan diputuskan oleh mesyuarat maka kesimpulan itu hendaklah diletak seperti menjatuhkan batu ke dalam air dengan orang tidak menampak walau sedikit pun ke mana tujuan-tujuan hala dan cita-cita kitanya. Kita jangan lekas melatah apabila seseorang wakil akhbar datang bertanya atas sesuatu perkara. Kita tidak boleh mengemukakan apa dan bagaimana rancangan kita untuk menghadapi keadaan-keadaan pada masa yang akan datang. Walaupun ia sebagai Yang Di-Pertua, hendaklah ia ingat bahawa ia tidak berkuasa memberi sesuatu pendapat yang mengenai kedudukan pertubuhannya melainkan setelah dipersetujui oleh mesyuarat. Oleh kerana segala perkataan-perkataannya itu nanti akan menjadi tumpuan orang untuk mengukur bagaimana kedudukan kita dan bagaimana hal kita terutamanya pula apabila perkara-perkara yang dicakapkannya itu ia tidak mengetahui punca dan keadaannya yang sebenar bahkan ia pula sungguhpun pandai pada sebahagian yang lain tetapi jahil pada peringkat yang lain pula.

Oleh yang demikian adalah menjadi kewajipan kita memberi ingat bahawa sekiranya UMNO memandang kedudukannya sebagai pertubuhan yang terbesar di dalam lingkungan orang-orang Melayu maka terlebih dahulu mustahak baginya merancang suatu “program perjuangan” yang tetap supaya dilangkannya pada masa yang akan datang dan setelah keputusan itu didapati maka sangat mustahak baginya membawa keputusan itu ke dalam lingkungan orang-orang Melayu supaya bersama-sama diperjuangkan di dalam suatu barisan kebangsaan untuk menghadapi segala sesuatu yang mengenai kedudukan orang Melayu –tidak seperti sekarang sedangkan di dalam UMNO sendiri nampaknya banyak daripada orang-orangnya dikatakan tidak cukup mengetahui rancangan mengadakan persidangan meja boleh dengan M. S. H. hal yang demikian ini telah terhebah dan daripada terhebah itu orang-orang yang di luar daripada lingkungan kita mengetahui di mana

kedudukan kita dan bagaimana keadaan kita, mereka sudah melihat bahawa kita belum boleh kata dek muafakat–boleh abar dek pembuluh segala sesuatu belum lagi kita langkahkan orang telah heboh dan sebab-sebabnya tidak lain kerana kita tidak mengikut ajaran Islam yang mulia yang menyuruh kita bermesyuarat di dalam tiap-tiap perkara yang mengenai kedudukan am orang-orang kita.

Kita mesti insaf bahawa kita disuruh dengan bermesyuaratlah kamu atas kebaikan dan apabila kamu dapati keputusan itu bertakwalah kamu kepada Allah”–kita memutuskan sesuatu dengan permesyuaratan dengan kita menyerahkan kesudahan ke dalam tangan Allah kerana Allah lebih berkuasa, lebih mengetahui dan lebih bertimbang rasa daripada yang lain-lain.

Di sebalik itu, tentang perhubungan dengan M. C. A. kita wajib mengingatkan dengan suatu pertanyaan-adakah mereka itu daripada orang-orang yang telah mengaku sebenar-benarnya taat menjadi rakyat Melayu? Soal ini terbitnya dapat dilihat bagaimana sebahagian besar daripada pengikut-pengikutnya membantah langkah-langkahnya menyertai perayaan sepuluh hari bulan sepuluh serta menghantar telegram ke Purmusa. Kita mesti memerhati adakah semuanya orang-orang itu sebagai bapa Melayu yang tidak mengenal “Tungsua”? Inilah perkara-perkara yang patut ada di dalam ingatan. Sebagaimana telah pernah disebut dahulu bahawa di dalam M. C. A. itu belum ada tapisan. Apakah semuanya mereka rakyat Melayu atau tidak! Sekiranya mereka telah menjadi rakyat Melayu tetapi adakah mereka telah melucutkan kerakyatan mereka yang asal dan mengubat segala kerja-kerja mereka hanya semata-mata untuk Melayu?

Juga kita mesti memerhati bahawa kita adalah suatu “bangsa” yakni bangsa Melayu. Dengan taraf itu rundingan kita yang ada berkenaan dengan tanah air hanyalah menghadapi kerajaan sahaja. Tetapi sekarang kita telah menjadi diri kita hanya sebagai suatu “kaum” (bukan bangsa) lalu kita mengadakan rundingan dengan suatu pertubuhan “perkauman” seperti M. C. A.. Adakah ini tidak dinamakan kita telah dengan sendirinya menurunkan taraf “Bangsa” kepada taraf “perempuan?” tidakkah ini dengan kecuaihan

kita sendiri, kita telah mengurangkan taraf kedudukan kita?

Kita berharap hal ini di perhati oleh orang-orang kita adanya.

* * *

ULAMA-PERHATILAH

Kalau kita perhatikan keadaan di sekeliling kita hari ini maka dapatlah kita perhati bahawa apabila terbit sesuatu perkara yang mengenai kedudukan agama maka dengan sangat mudah Anasir-anasir pembenci agama menjadikannya suatu perkara yang bersifat mengejek kepada keputusan-keputusan yang bersabit dengan sesuatu masalah yang terhebah itu.

Perkara ini terbit adanya tidak lain daripada pertentangan fahaman di antara kita sama kita. Pertentangan itu jika setakat fahaman sahaja tidaklah sampai begitu sekali tetapi hal yang sangat-sangat mendukacitakan ialah Anasir-anasir itu memperlagakan pendapatan di antara satu sama lain supaya masalah yang asleh itu menjadi semakin kusut terutamanya pula apabila hal itu dicampuri oleh mereka yang jahil dalam agama dengan kerana itu kita berharap kepada ulama-ulama kita tidaklah hendaknya lekas sekali tertarik menjawab kepada sesuatu pertanyaan yang didatangkan oleh wakil-wakil akhbar atau pun membuat sesuatu rancangan yang tidak sarif tujuannya dengan mendatangkan kalau dan kalau sahaja dengan tidak tepat memberi keputusan. Perebutan yang semacam ini bukannya akan memperbaiki atau mengheningkan barang yang keruh itu bahkan ia akan menjadikan orang ramai kesamaran sehingga tidak tahu ke mana hala yang diikuti olehnya. Maka dengan itu kita meminta dengan sangat supaya berceramah di dalam segala penuai-penuainya supaya jangan memesongkan barang yang hak itu.

Di hadapan kita hari ini, melihat keadaan-keadaan di sekeliling kita di dalam mana kaum-kaum yang malhad mencari jalan menjatuhkan kedudukan kita, membanjai kita dan sebagainya serta melihat pula kepada keadaan langkah-langkah pertadbiran

yang dijalankan, menurut pandangan kita, dari satu ke suatu masa memperkecilkan kedudukan dan hak-hak agama kita serta nampaknya pula mengadakan corak-corak dan langkah yang menjauhkan anak-anak kita daripada kasihkan agama dengan dasar-dasarnya itu adalah yang demikian itu patut mendapat perhatian kita yang saksama oleh kerana sekiranya anak-anak kita terbiar maka dari sedikit demi sedikit mereka itu hilang daripada kita. Kehilangannya itu bukannya hanya hilang begitu sahaja tetapi adalah ia memperbaiki golongan-golongan kaum mulhid yang memusuhi dan membenci kepada agama kita. Yang demikian maka masalah ini ialah suatu masalah yang sangat-sangat mustahak dan wajib diperhati dan dihadapi sebagai suatu kewajipan jihad kepada jalan Allah untuk mempertahankannya.

Sebagai jatuh-cubalah perhati keadaan beratus-ratus ribu anak-anak kita yang keluar daripada sekolah-sekolah Melayu itu. Sudahlah mereka lemah tentang iktisad tetapi mereka lemah juga di dalam agama-agama yang ada kepada mereka hanya pada kulitnya jua. Dengan bekalan yang sedikit itu dan kerana iktisad yang sebegitu lemah maka anak-anak kita yang di kampung-kampung itu tadi kerana iktisadnya memasukilah pekerjaan-pekerjaan seperti peon, askar, polis dan seumpamanya dan dengan sebab itu mereka memasukilah masyarakat bandar.

Dengan bekalan yang sedikit daripada pengajaran-pengajaran agama itu adakah mereka boleh bertahan daripada rempuh-rempuhnya pengaruh-pengaruh moden itu? Jawabnya sudah tentu terbentang dengan jelasnya bahawa mereka dari satu ke suatu masa menjadi orang-orang yang hilang kecenderungannya kepada agamanya bahkan menjadilah mereka sebagai orang-orang yang terkatung-katung ke ulu tidak ke hilir pun tidak dan di sinilah termasuknya anasir-anasir tadi menjadikan mereka pengikut kepada orang pembenci kepada agama, mencelakan bolehnya agama.

Kalau keadaan ini terbayar maka lama kelamaan agama itu hanya tinggal pada nama sahaja ada pada mereka. Kita tidak